

PENGERTIAN HADIS

- Bahasa : Baharu جديد. Perkataan berlawannya ialah lama قديم . Merujuk kepada kalam Rasulullah itu baharu dan kalam Allah SWT itu bersifat qadim.
- Istilah :Perkataan dan perkhabaran, perbuatan, taqirir atau sifat yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW.

Perbuatan	Percakapan atau perbuatan baginda tidak kira dalam apa jua bentuk samada perintah, larangan, pernyataan.
Perbuatan	Setiap perilaku Rasulullah meliputi cara beribadah, aktiviti harian, hubungan kekeluargaan, etika bermasyarakat akhlak dan sebagainya.
Takrir	Sesuatu perkara yang dilakukan dihadapan baginda Rasulullah atau yang sampai kepengetahuan baginda tetapi baginda tidak menegah atau menzahirkan kebencian terhadap perbuatan tersebut. Baginda berdiam diri atau membiarkannya.
Sifat	Dari sudut jasmani seperti tubuh badan atau rohani seperti amanah dan jujur

PENGERTIAN ULUMUL HADS

- Bahasa : Kata jamak bagi ulum ialah pengetahuan mengenai sesuatu.
- Istilah : Gagasan ilmu yang mengandungi usul dan kaedah untuk mengetahui hal berkaitan sanad dan matan samada diterima atau ditolak. Ia juga ilmu untuk mengetahui perkataan, perbuatan dan perkara yang berkaitan dengan baginda. Ia membincangkan hal berhubung riwayat dan dirayah hadis berdasarkan prinsip dan kaedah tertentu.

KEDUDUKAN HADIS

- Sumber kedua selepas al Quran sebagai asas pengambilan hukum. Dijelaskan melalui dalil نقلي dan dalil عقلي

a Al Quran: an Nisa' :59

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ
نُزِّلَ عَنْكُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

b al Hadis: تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ مَا لَنْ تَضِلَّ بَعْدَهُ إِنْ اغْتَصَمْتُمْ بِهِ كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ رَسُولِهِ

c Ijma': Para sahabat bersepakat mematuhi perintah dan larangan baginda samada semasa baginda masih hidup atau telah wafat

KEPENTINGAN HADIS DALAM KEHIDUPAN

- Pelengkap kepada wahyu al Quran kerana ia menyempurnakan hukum berkaitan keimanan, ibadah dan urusan kehidupan
- Pengukuh , pentafsir dan menjadi keterangan sumber hukum dalam al Quran
- Panduan kepada umat Islam untuk memahami Islam dengan sempurna

KEPENTINGAN MEMPELAJARI ULUMUL HADIS

- Tahu cara untuk menilai hukum dan status hadith dari segi sanad dan matan samada soheh atau tidak
- Ibadah dan amalan diterima kerana berpandukan sumber soheh dan tepat
- Menolak dakwaan palsu daripada orientalis atau golongan anti hadith

PERBEZAAN ANTARA HADIS NABAWI, HADIS QUDSI DAN ALQURAN

Aspek	Hadis Qudsi	Hadis Nabawi	Al Quran
Lafaz	Makna daripada Allah dan lafaz daripada Rasulullah	Makna dan lafazdaripada Rasulullah	Makna dan lafaz daripada Allah
Nisbah	Di nisbahkan kepada Rasulullah dengan lafaz : قال رسول الله فيما يرويه عن	Dinisbahkan kepada Rasulullah dengan lafaz: قال رسول الله	Dinisbahkan kepada Allah dengan lafaz: قال الله
Periwayatan	Diriwayatkan secara mutawatir dan ahad	Diriwayatkan secara mutawatir dan ahad	Diriwayatkan secara mutawatir sahaja
Penetapan Status	Thabit secara Qat'i dan Zanni	Thabit secara Qat'i dan Zanni	Thabit secara qat'i sahaja
Kemukjizatan	Tidak mempunyai unsur mukjizat	Tidak mempunyai unsur mukjizat	Mukjizat teragung Rasulullah
Adab	Boleh disentuh dalam keadaan berhadas	Boleh disentuh dalam keadaan berhadas	Disentuh dalam keadaan suci daripada hadas

HUJAH MENOLAK ANTI HADIS DAN ORIENTALIS

	Dakwaan Negatif	Hujjah Ulamak
1	Hadith Rasulullah rekaan umat Islam terkemudian dan tiada kaitan dengan Rasulullah	Penemuan bukti bahawa hadith sebahagian besar telah dicatat semasa Rasulullah hidup Penemuan sahifah beberapa sahabat dan tabiin Contoh :sahifah Abdullah b. Amru al As dan Hammam b. Munabbih
2	Rasulullah adalah manusia yang melakukan kesalahan samada sebelum atau setelah kenabian	Rasulullah maksum : Terpelihara daripada dosa dan maksiat Alkahfi : 110 قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ اللَّهُ وَاحِدٌ فَمَن كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا
3	Ajaran palsu yang muncul Antara 200 hingga 250 tahun kemudian	-Ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad ialah alQuran dan alSunnah -Tidak berlaku dalam tempoh 200 dan 250 tahun selepas kewafatan baginda -contoh: kiriman surat baginda kepada Raja Habsyah AnNajasyi
4	Konsep sunnah tidak pernah disebut pada zaman Rasulullah tetapi hanya timbul di zaman	-Konsep sunnah sudah timbul dizaman Rasulullah melalui hadith baginda عَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ -penulisan hadis secara individu di zaman Rasulullah diteruskan pada zaman Rasulullah secara meluas.

LATIH TUBI

1 Nyatakan istilah lain yang sama erti dengan hadis



2 Orientalis ialah golongan _____ yang terdiri daripada orang-orang _____ dan Kristian. Mereka mengkaji dan menyelidik mengenai hal-hal ketimuran khasnya berkaitan dengan agama Islam. Tujuannya untuk _____ umat terhadap agama Islam.

3 Anti hadis ialah mereka yang _____ dan hanya menyeru umat Islam untuk beramal dengan _____ sahaja. Terdiri daripada orang islam dan _____.

4. Selain dapat mengenal pasti kesohehan hadith, nyatakan tiga kepentingan lain dalam mempelajari ulumul hadis.



4 Sebagai pelajar muslim apakah usaha anda untuk memastikan warga sekolah tidak terjebak dengan golongan tersebut.

SKEMA

الخبر , الرواية 1

2 Orientalis ialah golongan **sarjana barat** yang terdiri daripada orang-orang **yahudi** dan Kristian. Mereka mengkaji dan menyelidik mengenai hal-hal ketimuran khasnya berkaitan dengan agama Islam. Tujuannya untuk **menimbulkan keraguan** umat terhadap agama Islam.

3 Anti hadith ialah mereka yang **menolak hadith** dan hanya menyeru umat Islam untuk beramal dengan **al Quran** sahaja. Terdiri daripada orang Islam dan **bukan Islam**.

4. Kepentingan mempelajari ulumul hadith

a Umat Islam dapat memahami cara dan methodologi ulamak menilai sesuatu hadith

b Seseorang yang mahir, mampu membezakan hadith soheh, hassan dan dhaif bersumberkan pendapat ulamak yang mu'tabar

c Ibadah dan amalan diterima oleh Allah kerana berpandukan sumber soheh dan tepat.

d Dapat menolak dakwaan palsu terhadap hadith oleh pihak orientalis atau golongan anti hadith.

5. Usaha anda untuk memastikan warga sekolah tidak terjebak dengan golongan orientalis dan anti hadith

Isi	Memberi penerangan kepada warga sekolah melalui penulisan atau video
Huraian	Supaya warga sekolah terutamanya pelajar sedar dan faham
Huraian lengkap	Menggunakan ICT sebagai medan dakwah contohnya whatsapp group, Instagram, youtube dll
Dalil	وَالنَّجْمِ إِذَا هَوَىٰ ﴿١﴾ مَا ضَلَّ صَاحِبُكُمْ وَمَا غَوَىٰ ﴿٢﴾ وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ﴿٣﴾ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ﴿٤﴾
Huraian dalil	Dalil menerangkan kebenaran hadith dan menolak dakwah orientalis dan anti hadith
Kesimpulan	Oleh itu kita mestilah berani menyatakan kebenaran agar kita sentiasa di jalan yang benar